

Sokongan Rakyat Terengganu Terhadap Kerajaan BN Kuat – Muhyiddin

Bernama

22 Mac, 2013

KUALA TERENGGANU, 22 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata sokongan padu rakyat Terengganu terhadap kepimpinan Barisan Nasional (BN) mampu memberi gambaran baik terhadap kerajaan negeri menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 nanti.

Beliau berkata hubungan akrab antara rakyat dan pemimpin setempat dilihat telah menyedar serta memperkasakan sokongan orang ramai terhadap keupayaan BN membawa satu anjakan pembangunan di negeri itu.

Muhyiddin, yang juga Timbalan Pengerusi BN, berkata Terengganu yang dipimpin oleh Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said merupakan sebuah negeri yang penting kepada BN dan mempunyai kisah silamnya tersendiri.

"Ini memberikan suatu petanda yang baik apabila sampai waktu pilihan raya, rakyat Terengganu akan beri sokongan padu untuk BN meneruskan pemerinthan di peringkat negeri dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis jamuan rakyat yang dihadiri lebih 10,000 orang di perkarangan Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Teluk Pasu, Kampung Petai Bubus, di sini Jumaat.

Muhyiddin turut mengajak rakyat di negeri ini supaya mengimbas kembali kenangan pahit yang mereka alami sewaktu di bawah pemerintahan PAS dari tahun 1999 hingga 2004.

"Rakyat jangan beri undi kepada pembangkang kerana dibimbangi menerima nasib serupa di mana kebajikan mereka terabai, tidak ada sebarang pembangunan dilakukan bagi membela nasib rakyat sepanjang pemerintahan parti itu," katanya.

Katanya beliau hairan mengapa masih ada segelintir rakyat yang tetap mahu menyokong parti PAS, sedangkan contoh terdekat seperti Kelantan yang mempunyai pelbagai isu besar tidak dapat diselesaikan sehingga kini.

"Di Kedah pula, banyak kawasan balak dicerobohi dan ditebang suka hati, akibatnya rakyat dibelenggu pelbagai masalah.

"Melihat keadaan itu, rakyat mula meluat dengan tindakan pembangkang yang sememangnya mempunyai agenda tersendiri termasuk mahu berkuasa dan kepentingan parti," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936684>